



بدان کبجیکن دان سوکن جباتن اوکور برونی

BADAN KEBAJIKAN DAN SUKAN JABATAN UKUR BRUNEI

JABATAN UKUR
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN
BANDAR SERI BEGAWAN BB3510
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

BAUKUR 2016-2018

JUN 2017

BIL NO	ISI KANDUNGAN	MUKA SURAT
1	AHLI TERTINGGI BAUKUR 2016 –2018	2
2	MAJLIS SAMBUTAN HARI PERSARAAN WARGA UKUR	3
3	TAKLIMAT KESELAMATAN BOT-BOT KERAJAAN	4
4	MAJLIS PERPISAHAN DK FATIMAH	5
5	STUDYRAMA 2017	6
6	KENAIKAN PANGKAT JURUTENIK RENDAH	7
7	MAJLIS PERPISAHAN DK SURIANI	7
8	TILAWAH AL-QURAN 2017	8
9	PROGRAM RUKYAH HILAL 2 DALAM 1	9
10	MUZAKARAH BERSAMA PMK JURUUKUR AGUNG	10
11	RENCANA KESIHATAN	11

BAUKUR 2016-2018

MS 1/11



بدان کبجیکن دان سوکن جباتن اوکور برونی

BADAN KEBAJIKAN DAN SUKAN JABATAN UKUR BRUNEI

JABATAN UKUR

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

EDISI KE - 7 BAUKUR 2017

BAUKUR 2016-2018

JUN 2017

BADAN BAUKUR ::

AHLI TERTINGGI BAUKUR 2016 –2018

PENASIHAT	:	HJ ALI BAKAR BIN HJ KASIM
YANG DI PERTUA	:	PG HJH HASNALIATI BINTI PSJ PG HJ ABD MOMIN
NAIB YANG DI PERTUA	:	DK SITI SAIHALINA BINTI PG HJ IBRAHIM
PENGERUSI	:	NOR LIZA BINTI HJ MOHAMED DAUD
SETIAUSAHA AGUNG	:	HJH NONA LIEZA BINTI HJ YAHYA
TIMBALAN SETIAUSAHA AGUNG	:	PG MD NORHASHIMI PG HJ BUNGSU
PENOLONG SETIAUSAHA AGUNG	:	PG MASNAH BINTI PG HJ AHMAD
BENDAHARI AGUNG	:	NORHAZEMAH BINTI KALONG
TIMBALAN BENDAHARI AGUNG	:	HJH NURHAYATI BINTI HJ MUHD SAID
KETUA BAHAGIAN KEBAJIKAN	:	HJ MUHD AZRI BIN ABDULLAH EDONG
KETUA BAHAGIAN SOSIAL	:	HJH AIERNA BINTI HJ BAKAR
KETUA BAHAGIAN SUKAN	:	SUMARDI BIN MASTANI
KETUA BAHAGIAN UGAMA	:	PG HJ NORDIN BIN PG HJ AHMAD
AHLI	:	HJ HAMIDUN BIN HJ ISMAIL
	:	HJH MARLINASSURIWANIE BINTI ABDULLAH
	:	SITI NOOR RAMZIYAH BINTI NOOR
	:	HJH MAIMUNAH BINTI HJ OSMAN
	:	DK AZIANTY BINTI PG HJ OTHMAN

BAUKUR 2016-2018

MS 2/11



بدان کبجیکن دان سوکن جباتن اوکور برونی

BADAN KEBAJIKAN DAN SUKAN JABATAN UKUR BRUNEI

JABATAN UKUR

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

EDISI KE - 7 BAUKUR 2017

BAUKUR 2016-2018

JUN 2017



Photo :: Hari Persaraan

MAJLIS SAMBUTAN HARI PERSARAAN WARGA UKUR

MUHIABAH: Majlis sambutan hari persaraan warga ukur dan diselajurkan pegawai yang berpindah jabatan telah diadakan di Dewan Muhibah pada sebelah petang 07 March 2017 yang diungkayahkan oleh Bahagian Maklumat Kadaster bersama Bahagian Ukuran Kadaster.

Tetamu kehormat majlis adalah Haji AliBakar bin Haji Kasim selaku Pmk. Juruukur Agung.

Para jemputan terdiri dari pesara-pesara dan pegawai-pegawai serta kakitangan Jabatan Ukur turut hadir bagi memeriahkan sambutan majlis pada hari tersebut. Seramai 21 orang pesara dan seorang pegawai yang telah berpindah jabatan dijemput hadir pada majlis tersebut.

Acara di sambut dengan sederhana sahaja dengan acara bermula dengan ucapan Pmk. Juruukur Agung, selain selingan gambar kenangan pegawai dan kakitangan yang diraikan serta wakil pesara untuk memberikan ucapan.

Sebagai tanda kenangan berkhidmat dengan Jabatan Ukur para pesara dan pegawai yang telah berpindahan juga menerima cenderahati. Badan Kebajikan dan Sukan Jabatan Ukur juga menyumbang cenderahati kepada 14 orang ahli Baukur yang bersara dan berpindah jabatan.

Penutup majlis adalah bergambar ramai bersama para pesara dan pegawai-pegawai kanan.

Terima kasih diatas sumbangan khidmat bakti yang telah dicurahkan selama bertugas di Jabatan Ukur.



Photo :: Hari Persaraan

BAUKUR 2016-2018

MS 3/11



بدان کبجیکن دان سوکن جباتن اوکور برونی

BADAN KEBAJIKAN DAN SUKAN JABATAN UKUR BRUNEI

JABATAN UKUR

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

EDISI KE - 7 BAUKUR 2017

BAUKUR 2016-2018

JUN 2017




Photo :: Taklimat Keselamatan Bot



TAKLIMAT KESELAMATAN BOT-BOT KERAJAAN

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN : Pada 18 March 2017, Jabatan Ukur telah mengadakan sesi taklimat garispendu keselamatan penggunaan bot-bot kerajaan bagi pemandu dan penumpang Jabatan Ukur bersama Jabatan Laut yang diungkayahkan oleh Bahagian Pengurusan Kualiti dan Aset. Taklimat diadakan di Dewan Bertabur, Kementerian Pembangunan yang dihadiri oleh pegawai-pegawai kanan dan para peserta talkimat.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis Arefin bin Jaya, Pmk. Timbalan Juruukur Agung.

Sesi taklimat telah disampaikan oleh Awang Alisham bin Hj Awg Besat, pegawai Jabatan Laut. Di antara intipati penyampaian adalah memberi kefahaman dan pengetahuan tentang tatacara keselamatan dan tindakan yang perlu diambil oleh pemandu dan penumpang berkenaan jika berlaku kejadian-kejadian kecemasan.

Aspek keutamaan juga di tekankan terhadap kepentingan beberapa perkara seperti perancangan dan persediaan bagi pemandu dan penumpang dan juga risiko-risiko semasa berada di laut.



Photo :: Taklimat Keselamatan Bot

BAUKUR 2016-2018

MS 4/11



بدان کبجیکن دان سوکن جباتن اوکور برونی

BADAN KEBAJIKAN DAN SUKAN JABATAN UKUR BRUNEI

JABATAN UKUR

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

EDISI KE - 7 BAUKUR 2017

BAUKUR 2016-2018

JUN 2017



Photo :: Majlis Perpisahan Dk Fatimah



MAJLIS BERSARA DAN PERPISAHAN DK FATIMAH

UKUR: Majlis perpisahan bagi Dk Fatimah Binti Pg Hj Ali telah diadakan pada 3 April 2017 di Bilik Hidayat. Acara bermula dengan penyampaian ucapan dari Pmk. Jurukur Agung, Pmk. PJUA dan rakan-rakan sekerja. Dk Fatimah juga menerima penghargaan yang disampaikan oleh Pmk. Juruukur Agung sebagai tanda kenangan dari hasil sumbangan pihak atasan dan pegawai-pegawai kanan.

Dk Fatimah telah berkhidmat dengan kerajaan lebih 30 tahun dan telah ditempatkan di beberapa Bahagian. Kronologi jawatan Dk Fatimah bermula dengan memegang jawatan apprentice surveyor pada tahun 1982. Jawatan terakhir Dk Fatimah adalah sebagai Juruukur yang ditempatkan Di Bahagian Geospasial Pemetaan.

Sepanjang kerajaya beliau telah dikurniakan Pingat Kebesaran Negara iaitu Pingat Indah Kerja Baik (PIKB) pada tahun 1996 dan tahun 2008 dikurniakan Pingat Kerja Lama (PKL). Dk Fatimah juga merupakan seorang yang aktif dalam pelbagai aktiviti seperti ahli KKC, pemain bola jaring jabatan dan jawatankuasa yang dilantik.

Beliau juga pernah diberikan biasiswa dalam melanjutkan pelajaran ke luar negeri di United Kingdom dalam jurusan Surveying.

Tahniah diucapkan kepada Dk Fatimah atas sumbangan dan memberikan khidmat bakti kepada pihak kerajaan. Diucapkan selamat bersara dan semoga sentiasa sihat walafiat dan diberikan ganjaran pahala terhadap bakti yang dicurahkan. Aamiin.



Photo :: Majlis Perpisahan Dk Fatimah

BAUKUR 2016-2018

MS 5/11



بدان كبعجكن دان سوكن جباتن او كور برونى

BADAN KEBAJIKAN DAN SUKAN JABATAN UKUR BRUNEI

JABATAN UKUR

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

EDISI KE - 7 BAUKUR 2017

BAUKUR 2016-2018

JUN 2017



Photo :: Studyrama

STYUDYRAMA 2017

PUSAT TINGKATAN ENAM GADONG : Setiap tahun Maktab Duli Pengiran Muda Al-Muhtadee Billah menganjurkan studyrama dan tahun ini telah diadakan pada 13 April 2017 bertempat di auditorium Maktab berkenanan. Seperti lazimnya Jabatan Ukur telah dipelawa untuk turut serta dalam anjuran tersebut.

Tujuan studyrama adalah untuk memberikan pendedahan awal kepada penutir tingkatan enam dalam mengenalpasti peluang yang diboleh diceburi terutama kursus yang ditawarkan oleh sektor kerajaan dan sektor swasta.

Acara bermula pada 9 pagi, penglibatan Jabatan Ukur dalam studyrama adalah memperkenalkan peranan, produk dan perkhidmatannya. Diantaranya yang diperkenalkan adalah cara-cara penyukat tanah, akses data spatial yang dikongsisama untuk agensi kerajaan, sektor swasta dan orang awam.

Turut serta dalam pameran studyrama adalah dari sektor kerajaan dan sektor swasta dalam sama-sama menjayakan anjuran tersebut.




Photo :: Studyrama

BAUKUR 2016-2018

MS 6/11



بدان کبجیکن دان سوکن جباتن اوکور برونی

BADAN KEBAJIKAN DAN SUKAN JABATAN UKUR BRUNEI

JABATAN UKUR

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

EDISI KE - 7 BAUKUR 2017

BAUKUR 2016-2018

JUN 2017



Photo :: Kenaikan Pangkat

KENAIKAN PANGKAT JURUTEKNIK RENDAH

UKUR: 26 April 2017, penyerahan surat bagi kenaikan pangkat jawatan juruteknik rendah telah disampaikan oleh Pmk. Juruukur Agung, Hj AliBakar Bin Hj Kasim. Turut hadir menyaksikan penyerahan surat terdiri dari Pmk. penolong juruukur dan pegawai-pegawai kanan.

Seramai 4 orang yang telah dikenalipasti dalam pengisian jawatan juruteknik rendah iaitu Awang Serivijaya Bin Bidzah (Ukur Tutong), Awang Mohammad Zafri Bin Haji Lamit (Bahagian UKD), Awang Mohamad Huzaifah Bin Hassan (Bahagian Geodetik) dan Awang Muhammad Afandi bin Abdullah @ Cheong Fandy (Bahagian Geo-Spatial Pemetaan)

Tahniah diucapkan kepada kakitangan berkenaan diatas kenaikan pangkat. Semoga dengan kenaikan pangkat ini akan memberi inspirasi kepada rakan-rakan sekerja yang lain untuk terus berusaha gigih dalam melaksanakan tugas dan amanah yang dipertanggungjawabkan.

MAJLIS PERPISAHAN DK SURIANI

UKUR: Pada 27 April 2017, Bahagian Pentadbiran telah mengadakan majlis perpisahan Dk Suriani yang telah diadakan di Bilik Hidayat. Turut hadir pada majlis tersebut Pmk. Juruukur Agung.

Dk Suriani Lailawati binti Pg Hj Bungsu adalah merupakan kakitangan Bahagian Pentadbiran. Kerajaya Dk Suriani bermula berkhidmat dengan Jabatan Muzium sebagai kerani. Semasa di Jabatan Ukur, Dk Suriani memegang jawatan penyelia pejabat. Terkini Dk Suriani telah dinaik pangkat dan memegang jawatan Pembantu Pegawai Kewangan Tingkat I.

Sepanjang berkhidmat dengan Jabatan Ukur Dk Suriani telah dikurniakan pingat negara iaitu Pingat Indah Kerja Baik (PIKB) pada tahun 2017.

Sesi kenangan dirakamkan dengan bergambar ramai dengan rakan sekerja.

Tahniah diatas perlantikkan jawatan. Semoga akan terus bekerja dengan



Photo :: Perpisahan Dk Suriani

BAUKUR 2016-2018

MS 7/11



بدان کبجیکن دان سوکن جباتن اوکور برونی

BADAN KEBAJIKAN DAN SUKAN JABATAN UKUR BRUNEI

JABATAN UKUR

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

EDISI KE - 7 BAUKUR 2017

BAUKUR 2016-2018

JUN 2017



Photo :: Tilawah Al-Quran

TILAWAH AL-QURAN 2017

MODTC: Pada 27 April 2017, Pertandingan Musabaqah Membaca Al-Quran telah diadakan di Dewan Indera Pahlawan anjuran Kementerian Pembangunan dan Jabatan-Jabatan Dibawahnya yang dikelolakan oleh Jabatan Kerja Raya sempena sambutan israk dan mikraj bagi tahun 1438H.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Suhaimi bin Haji Gafar, Timbalan Menteri Pembangunan.

Selain memdengarkan bacaan al-quran dari peserta qari dan qariah. Majlis tersebut juga diselajurkan dengan ceramah ugama yang disampaikan oleh penolong pegawai perkembangan ugama, Pusat Da'wah Islamiah.

Para qari dan qariah Jabatan Ukur telah melalui saringan awal yang diadakan pada 20 April.

Alhamdulillah dan tahniah diucapkan kepada Dayang Ratinah binti Haji Hidup yang telah merangkul gelaran juara qariah kali kedua. Tahniah juga kepada qari iaitu Awang Mohammad Yusrin bin Daud telah mendapat tempat ketiga.

Musabaqah bukanlah acara untuk mempertandingkan suara dan lagu malah ianya lebih kepada satu seruan dan membimbing jiwa supaya mendengarkan ayat-ayat Allah, memahami dan menghayatinya untuk mendapatkan rahmat dan keberkatan daripadanya.

Semoga Jabatan Ukur akan melahirkan pelapis baru untuk ikut serta dalam pertandingan musabaqah membaca al-quran.




Photo :: Tilawah Al-Quran

BAUKUR 2016-2018

MS 8/11



بدان کبجیکن دان سوکن جباتن اوکور برونی

BADAN KEBAJIKAN DAN SUKAN JABATAN UKUR BRUNEI

JABATAN UKUR

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

EDISI KE - 7 BAUKUR 2017

BAUKUR 2016-2018

JUN 2017



Photo :: Program Rukyah Hilal



Photo :: Program Rukyah Hilal

PROGRAM RUKYAH HILAL 2 DALAM 1

TANJONG BATU: Pada 27 April 2017, Bahagian Geodetik telah mengungkapkahkan program rukyah hilal 2 dalam 1 bertempat di Tanjong Batu, Muara. Program ini menekankan wakil yang ditugaskan untuk sentiasa berada di setiap pencerapan bersama wakil daripada mahkamah syarie bagi memastikan kelancaran penglihatan anak bulan.

Turut hadir dalam sesi tersebut wakil Kementerian Ugama dan penuntut IBTE serta pegawai-pegawai ukur untuk sama-sama mengetahui cara-cara penglihatan anak bulan, bentuk hilal dan peralatan yang digunakan.

3 unit peralatan geomatik telah digunakan bagi persediaan penglihatan anak bulan. Diantara peralatan yang digunakan adalah 1 unit theodolite dan 2 unit teleskop - william optik.

Hasil daripada rukyah pada hari tersebut, sabit anak bulan kelihatan walaupun tempat lokasi adalah masih baru diterokai dan rendah. Umur hilal adalah 22 jam pada waktu tersebut. Catatan juga diambil apabila sabit kelihatan anak bulan untuk setiap peralatan geomatik.

Hasil penglihatan anak bulan menggunakan teleskop (william optik) sabit kelihatan pada jam 6.29pm dan diikuti selepas 10 minit kemudian sabit kelihatan anak bulan menggunakan peralatan theodolite.

Program seumpama in telah diadakan di beberapa tempat diantaranya Bukit Hilal Ambog (Tutong), Bukit Hilal Lumut (Belait) dan Menara DST (Brunei Muara).

BAUKUR 2016-2018

MS 9/11



بدان کبجیکن دان سوکن جباتن اوکور برونی

BADAN KEBAJIKAN DAN SUKAN JABATAN UKUR BRUNEI

JABATAN UKUR

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

EDISI KE - 7 BAUKUR 2017

BAUKUR 2016-2018

JUN 2017



Photo :: Muzarakah Jabatan Ukur

MUZAKARAH BERSAMA PMK JURUUKUR AGUNG

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN: Muzakarah bersama Pmk. Juruukur Agung, Hj AliBakar bin Hj Kassim pada tahun ini telah diadakan bermula dengan Cawangan Ukur Daerah dan juga dilartatkan kesemua bahagian di Ibu Pejabat. Jadual muzkarah telah disusun bagi memastikan muzarakah dapat dijalankan seperti yang dirancang. Turut hadir dalam sesi muzakarah adalah pegawai dan kakitangan berkenanan mengikut jadual yang telah ditetapkan.

Hadir dalam setiap muzakarah adalah Pmk. Juruukur Agung, Pmk. Timbalan Juruukur Agung, Pmk. Penolong Juruukur Agung, Ketua-Ketua Bahagian, Penolong Pentadbir dan Penolong Penyelia Kewangan.

Diantara intipati yang disampaikan dalam muzkarah adalah laporan dari setiap cawangan dan bahagian berkenanan untuk dikongsi bersama samada laporan pencapaian, isu-isu yang dihadapi, laporan kewangan dan lain-lain.

Sesi muzakarah juga memberikan para pegawai dan kakitangan untuk mengajukan soalan kepada pihak pengurusan atasan.

Selain itu juga diantara objektif muzakarah bagi mengeratkan silaturahim dan menjalinkan ukhuwah sesama pegawai dan kaktingan Jabatan Ukur.

Jadual Muzakarah	Tarikh	Jadual Muzakarah	Tarikh
Cawang Daerah Temburong	01-Apr-2017	Bahagian PKA / GST	09-Mei-2017
Cawang Daerah Tutong	05-Apr-2017	Bahagian GSP / PKD	10-Mei-2017
Cawang Daerah Belait	08-Apr-2017	Bahagian MKD / UKD	11-Mei-2017
		Bahagian GDK / SAB	13-Mei-2017



Photo :: Muzakarah Jabatan Ukur

BAUKUR 2016-2018

MS 10/11



بدان کبجیکن دان سوکن جباتن اوکور برونی

BADAN KEBAJIKAN DAN SUKAN JABATAN UKUR BRUNEI

JABATAN UKUR


KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

EDISI KE - 7 BAUKUR 2017

BAUKUR 2016-2018

JUN 2017

RENCANA :: KESIHATAN



Editor: Masnah Ahmad
Semak Oleh: Nor Liza Daud

BAUKUR 2016-2018

MS 11/11